

# Projek Satu Kampung Satu Produk dikaji

JUL 2002

KUALA LUMPUR, Isnin—Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengkaji dan mengenal pasti faktor yang menyebabkan kegagalan projek Satu Kampung Satu Produk.

Menterinya, Datuk Azmi Khalid, berkata antara lain kajian semula itu bertujuan menghidupkan semula projek berkenaan dengan mencontohi kampung yang sudah berjaya selain mengkaji kelemahannya.

Beliau berkata, walaupun projek itu membabitkan penduduk luar bandar, tetapi kementerian lain perlu turut sama menjayakan projek berkenaan kerana kegagalannya turut disebabkan aspek pemasaran dan reka bentuk.

“Saya bersetuju bahawa projek ini tidak berjalan dengan baik, justeru usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan bagi menanganinya. Antaranya ialah kita perlu mengenal pasti produk yang bersesuaian dengan sesebuah kampung.

“Pada masa sama usaha memulihkan semula projek itu bukan terletak di bahu Kementerian Pembangunan Luar Bandar saja, sebaliknya turut membabitkan pelbagai kementerian lain.

“Ini kerana walaupun projek itu bagi penduduk luar bandar, tetapi ia menghadapi pelbagai masalah termasuk ketiadaan kepakaran membangunkannya selain ia turut membabitkan aspek pemasaran dan reka bentuk kerana produk yang dihasilkan adalah pelbagai,” katanya.

Beliau yang dihubungi di sini hari ini turut bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa projek Satu Kampung Satu Produk yang diperkenalkan di negara ini hanya mengeluarkan tembikai walaupun diperkenalkan lebih awal daripada Thailand.

Semalam, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menghantar rombongan pesawah dan nelayan melawat Thailand bagi menyaksikan kejayaan projek *One Tambun One Product* (satu kampung satu produk) dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar.

Perdana Menteri melahirkan rasa kesal kerana menjadi amalan rakyat Malaysia melakukan apa yang orang lain sudah buat.

Beliau memberikan contoh kecenderungan petani di Kedah menanam tembikai sehingga ia berlebihan di pasaran.

Azmi berkata, usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk menaikkan semula projek itu kerana ia membabitkan banyak rangkaian bagi memastikan ia